



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

(No.Sebut Harga:PPj/JL/SH(S)/0004/2025)

Tajuk Sebut Harga:

**KERJA-KERJA MEREKA BENTUK DAN MEMBINA TAMAN BORNEO RAINFOREST GARDEN BAGI
PENGANJURAN BORNEO FLORA FESTIVAL (BFF) 2025 DI TAMAN AWAM TANJUNG PURUN,
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan, Selangor, Sabah dan Sarawak** sahaja, dan berdaftar di dalam **Gred G3, Kategori KEJURUTERAAN AWAM (CE), Pengkhususan CE14 (Landskap diluar bangunan) & CE21 (Pembinaan kejuruteraan awam)** serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini. Surat kebenaran khas dari CIDB adalah **TIDAK** dibenarkan.
2. Taklimat sebut harga akan diadakan **secara hibrid (fizikal dan *video conferencing*)** pada **28 APRIL 2025 (ISNIN), JAM 10.00 PAGI** Bilik Mesyuarat Dahlia, Aras 5, Blok D, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675. Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sila klik pautan <https://meet.google.com/grk-vofh-afg> bagi menghadiri sesi taklimat secara *video conferencing*. Kehadiran Kontraktor / Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Maklumat lanjut berkaitan sebut harga berkenaan sila klik pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya <https://www.ppj.gov.my/second-page/sebut-harga>.
3. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli bermula **02 MEI 2025 (JUMAAT)** hingga **08 MEI 2025 (KHAMIS)** dengan bayaran **RM50.00** secara atas talian (online) melalui laman web <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>.
4. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya** sebelum jam **12.00 TENGAH HARI** pada **14 MEI 2025 (RABU)**.
5. Penyerahan dokumen kepada Perbadanan Putrajaya turut dibenarkan untuk dilaksanakan melalui perkhidmatan kiriman pos berdaftar/kurier dengan syarat-syarat seperti berikut:
 - i) Segala kos penghantaran ditanggung sepenuhnya oleh Penyebut Harga;
 - ii) Penyebut Harga hendaklah memastikan dokumen yang dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dipertimbangkan;
 - iii) Perbadanan Putrajaya tidak akan bertanggungjawab sekiranya dokumen yang dihantar rosak atau hilang; dan
 - iv) Sebarang tuntutan kerugian tidak akan dipertimbangkan.

6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat [https:// www.ppj.gov.my](https://www.ppj.gov.my), portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my> dan portal JPM <https://www.jpm.gov.my/ms/tender-sebutharga>.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak) di laman web [https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/ landingpage](https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage). Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibolehkan untuk **membeli dokumen sebut harga**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sebarang urusan/pertanyaan mengenai sistem COINS, sila kemukakan e-mel ke alamat bantuan.coins@ppj.gov.my.

Notis ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.